

Citrawarna UMT pupuk perpaduan

SH 17/09/08 Pg. T6

■ NURUL HUDA HUSAIN

GONG BADAK - Usaha Kumpulan Kebudayaan Baratham menganjurkan Program Citrawarna Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dilihat sebagai langkah positif bagi mempupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa, selain membantu menonjolkan kebudayaan kaum India di negara ini.

Pengarah program, K Logavannan A/L Kaliswaran berkata, program disertai seramai 200 peserta yang terdiri daripada pelajar berbilang kaum di UMT itu jelas memperlihatkan semangat perpaduan dalam kalangan anggota kumpulan bagi menyiapkan 'kolam'.

"Kolam' ialah sejenis lukisan yang mempunyai corak, biasanya dibuat menggunakan beras ataupun ham-

pas kelapa dan telah diamalkan masyarakat beragama Hindu sejak dahulu lagi sebagai simbol selamat datang.

"Bersesuaian dengan tema citrawarna itu sendiri yang melambangkan warna-warni budaya, seni dan warisan sebagai simbol kekayaan masyarakat majmuk di negara ini, sekali gus membantu menambahkan lagi kasih sayang antara satu sama lain," katanya kepada **Sinar Harian** pada program yang berlangsung di Dewan Sultan Mizan, UMT, di sini, semalam.

Menurutnya lagi, program yang julung kali diadakan itu bertemakan sambutan Bulan Kemerdekaan ke-51 dan Tahun Melawat Terengganu 2008 (TMT'08).

"Saya harap, dengan adanya aktiviti seumpama ini, secara tidak langsung membantu mempromosikan lagi produk pelancongan yang terdapat di



Peserta bergambar bersama 'kolam' yang dihasilkan sempena Program Citrawarna UMT di Dewan Sultan Mizan, semalam.

negeri ini.

"Selain menonjolkan aspek kebudayaan, pengajuran program juga dilihat sebagai pendekatan terbaik bagi

memperkenalkan sesuatu yang baru kepada kaum lain," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan,

Kebudayaan, Kesenian dan Warisan negeri, Datuk Za'abar Mohd Adib yang hadir merasmikan program tersebut berkata, aktiviti seumpama itu

memainkan peranan proaktif bagi membantu merealisasikan hasrat kerajaan untuk menarik kedatangan lebih ramai pelancong ke Terengganu.